



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**PENGARANG / MEJA BERITA**

**SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA**

## **AMARAN BERHUBUNG PANGGILAN PALSU EAIC**

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menasihatkan orang ramai agar berwaspada dengan panggilan telefon, e-mel atau apa-apa aplikasi / medium sosial yang mendakwa pihak EAIC meminta sejumlah bayaran wang tunai bertujuan untuk penyelesaian hutang bank. Ini adalah susulan aduan yang diterima oleh EAIC daripada mangsa yang menerima panggilan palsu tersebut pada hari ini.

Pihak EAIC akan membuat laporan polis berhubung perkara ini dan berharap tindakan sewajarnya akan dijalankan bersama-sama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi melindungi orang awam serta menjaga reputasi Suruhanjaya ini.

Sehubungan dengan itu, orang awam yang menerima panggilan meragukan ini dinasihatkan agar berhati-hati dan mendapatkan pengesahan daripada EAIC menerusi talian dan alamat yang dipaparkan di portal rasmi [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan**  
**(*ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION*)**  
**25 NOVEMBER 2019**